

## Projek Naik Taraf Ruang Solat Masjid

Oleh Sharifah Fatimah Azzahra Binti Tuan Aizul Fauzi 1182576

DUNGUN: Masjid Kampung Batu Tiong kini dalam proses menaik taraf serta menambah ruang solat bagi kemudahan jemaah dan penduduk sekitar.

Pegawai Yayasan Daerah Dungun, Aizuddin Mohamad Noor, 34, berkata, ruang solat itu perlu ditambah supaya dapat menampung lebih ramai jemaah pada satu-satu masa, serta memberi keselesaan kepada para jemaah terutamanya bagi jemaah wanita memandangkan pembinaan sebelum ini kurang mesra wanita.

“Saya melihat masjid ini banyak kekurangan yang perlu diubah suai dan dinaik taraf untuk menjadi sebuah masjid yang serba lengkap,” katanya.



Masjid Kampung Batu Tiong yang kini dalam proses menaik taraf ruang

Beliau yang juga merupakan Pengerusi Masjid Kampung Batu Tiong berkata, masjid itu mula dibina pada awal tahun 1960, di mana ketika itu ianya hanyalah sebuah bangunan kayu yang dibina di atas sebidang tanah yang diwartakan oleh kerajaan dan dapat memuatkan lebih kurang 100 orang jemaah.

Pada pertengahan tahun 1989, masjid baru dibina di atas tanah yang sama dan merupakan sebuah bangunan kekal di mana ianya dapat menampung lebih ramai jemaah pada satu-satu masa.

Namun, seiring berjalannya waktu, pertambahan penduduk kampung semakin meningkat sehingga memerlukan kepada ruang solat yang lebih luas.



Kerja-kerja menaiktaraf sedang dijalankan

Permohonan untuk menaik taraf masjid ini dibuat melalui pejabat agama dan diberi keizinan untuk menjalankan kerja-kerja tersebut tanpa mengubah struktur asal masjid.

Aizuddin juga memberitahu bahawa anggaran perbelanjaan bagi kerja-kerja menaik taraf ini mencecah sehingga RM100,000 dan sehingga ke hari ini jumlah itu semakin meningkat.

Anggaran perbelanjaan ini diperuntukkan bagi kerja-kerja memecah lantai, memasang dinding, jubin serta karpet, dan peruntukan lain yang akan dipertimbangkan juga termasuklah pemasangan pendingin hawa.

Beliau berkata, sumber dana itu juga datang daripada para jemaah serta penduduk sekitar yang tidak henti-henti memberi sumbangan.

Selain daripada menyediakan ruang solat yang selesa bagi para jemaah untuk melaksanakan solat lima waktu, ruang itu juga disediakan bagi pelaksanaan aktiviti keagamaan seperti ceramah, daurah, kelas mengaji dan lain-lain.

Kerja-kerja menaik taraf itu dijangka memakan masa antara tiga hingga empat bulan untuk siap sepenuhnya.

Beliau berharap agar projek itu cepat selesai supaya dapat memberi keselesaan kepada para jemaah dan semoga masjid ini dapat menjadi suatu tempat untuk mengeratkan hubungan antara penduduk kampung.